Utusan Borneo: 06 November 2026

Lelaki mencederakan kakak kandung dipenjara dua tahun dan didenda

SIBU: Seorang lelaki yang mencederakan kakaknya dengan menggunakan penutup longkang, dijatuhi hukuman penjara dua tahun dan denda RM2,000 atau penjara dua bulan oleh Mahkamah Sesyen Sibu, semalam.

Tertuduh, Mohammad Fairuz Saifuddin, 40, bagaimanapun gagal membayar denda tersebut dan diperintah menjalani hukuman penjara tambahan.

Hakim Musyiri Peet mengarahkan tertuduh untuk mulai menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh penahanannya iaitu 27 Ogos 2026.

Fairuz terdahulu didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan kepada kakaknya dengan menggunakan penutup longkang di Taman Kenyalang, Jalan Tekupada 22 Ogos 2026, jam lebih kurang 9.30 pagi.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian tertuduh telah bertindak agresif serta melemparkan objek ke arah pengadu menyebabkan mangsa mengalami kecederaan pada lutut kanan.

Tertuduh dikatakan bertindak agresif setelah gagal mendapatkan wang daripada ibunya.

Pada masa sama, tertuduh turut mengacukan objek menyerupai senjata api ke arah pengadu dan ahli keluarganya yang lain.

Susulan kejadian itu, pihak polis telah menahan tertuduh pada 27 Ogos 2026, kira-kira jam 8.40 pagi di pekarangan Kompleks Mahkamah Sibu bagi membantu siasatan.

Pihak polis turut merampas satu unit penutup longkang hitam, satu unit pemetik api berbentuk pistol serta satu unit beg berwarna jingga.



DIPENJARAKAN: Mohammad Fairuz (kiri) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Sibu, semalam setelah dijatuhi hukuman.

Siasatan yang dijalankan mendapati kejadian berpunca dari tindakan pengadu yang menghalang tertuduh daripada terus meminta wang daripada ibu mereka.

Ini menyebabkan berlaku pertengkaran antara mereka sebelum tertuduh mengambil penutup longkang hitam serta melemparkannya ke arah pengadu, di mana kejadian itu disaksikan oleh ibu mereka.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chrissie Ngiron Mijun, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.